

06/05/1998

Gerakkan kekayaan pulihkan ekonomi (HL)

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu seluruh rakyat menggerakkan tenaga dan kekayaan dalam bentuk wang serta harta yang dianggarkan bernilai lebih RM1 trilion untuk memulihkan ekonomi negara.

Menurut Perdana Menteri, sebahagian kecil kekayaan dan harta itu boleh ditukar kepada ringgit untuk dilabur dalam saham amanah yang bukan sahaja menguntungkan pelabur, malah membantu negara pulih daripada kegawatan ekonomi.

"Kita seharusnya berusaha menggerakkan kekayaan ini, aset dan hartanah yang kita punyai kerana kita memerlukan modal itu. Beginilah jauhnya perjuangan kita.

"Walaupun hanya RM1 yang kita belanja untuk melabur, ia menyumbang kepada ketahanan negara dan pengekalan kebebasan kita daripada penjajahan yang mungkin lebih dahsyat lagi dengan menggunakan tentera.

"Ini adalah penjajah ekonomi yang boleh berkembang kepada penjajahan politik dan akhirnya menghapuskan kebebasan kita sama sekali," katanya ketika berucap melancarkan Amanah Saham Wanita (Asnita), di sini hari ini.

Sebanyak 400 juta unit saham disediakan dengan harga tawaran 50 sen seunit. Asnita adalah amanah saham ke-88 di negara ini dan menampilkan beberapa faedah tambahan kepada pelabur.

Ini termasuk pelaburan permulaan dengan pemilikan 200 unit (RM100); khairat kematian sehingga RM1,000; serta insurans takaful minimum RM200,000 serta pembiayaan pendidikan untuk anak pelabur.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman; serta pemimpin kanan beberapa parti komponen Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir berkata, menyimpan wang tunai atau barang kemas secara berlebihan di rumah adalah merugikan diri sendiri dan negara kerana ia sepatutnya boleh digerakkan sebagai modal dengan membeli saham syarikat.

"Ini adalah satu cara kita menggerakkan modal yang terpendam, tersembunyi dan yang tersimpan di bawah tikar serta bantal untuk melabur," katanya.

Menurut Perdana Menteri, selain wang ringgit dan harta, rakyat harus menggembleng tenaga, akal fikiran dan kerajinan sebagai satu modal lain bagi mencapai maksud yang sama.

"Adalah lebih baik apabila kita guna (modal) dengan bijak untuk menambah kekayaan kita, masyarakat dan negara. Sekarang orang sudah samun 50 peratus kekayaan dan kita tidak upaya nak samun balik, tetapi kita belum gerakkan kekayaan yang masih ada pada kita," katanya.

Menurutnya, tindakan membeli saham yang nilainya rendah sekarang akhirnya akan mendorong saham itu meningkat semula. Ini sekali gus membolehkan syarikat terbabit cergas semula dan semua pihak mendapat faedah daripada keadaan itu.

"Kalau kita dapat adakan tabung seperti Asnita dan tabung-tabung lain, maka dapatlah kita guna tenaga ini dan kekayaan yang ada pada tiap-tiap kita untuk membeli saham-saham yang jatuh sekarang.

"Sekarang, kita hendak tambah balik modal kita dan ia mesti datang daripada kita sendiri. Kita boleh pinjam duit dari negara asing dan bank luar, tetapi ia berisiko.

"Kalau berhutang, kita akan menderitanya. Lebih baik kalau kita gunakan apa yang ada pada kita untuk melabur dan memulihkan ekonomi negara kita sendiri," katanya sambil menambah hakikat itulah yang mendorongnya

bersetuju dengan penubuhan Asnita.

Sambil berkata bahawa kekayaan negara terhakis sebanyak separuh sejak dilanda masalah ekonomi Julai lalu, Dr Mahathir menyalahkan spekulator penyangak terhadap kejatuhan nilai ringgit dalam tempoh itu.

Menurutnya, spekulator penyangak yang tamak itulah yang menyebabkan nilai ringgit susut sebanyak 52 peratus, bukannya kerana kehilangan keyakinan terhadap ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata, spekulator itu memperolehi keuntungan besar dengan menjual mata wang tanpa memikirkan penderitaan rakyat di negara yang mata wangnya menjadi sasaran mereka.

"Malangnya, dunia memberi tempat kepada mereka. Kuasa-kuasa besar menghalalkan kegiatan mereka. Apabila kita menentang mereka, kita dianggap sebagai orang yang tidak faham cara-cara berniaga," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak faham kenapa spekulator terpaksa berbuat demikian dan kemudian memberi alasan yang mereka sudah hilang keyakinan terhadap negara, kononnya kerana kelemahan pentadbiran, rasuah, diskriminasi dan kurang ketelusan.

Menurutnya, tidak ada sebab pelabur asing hilang keyakinan sedangkan kerajaan yang memerintah serta dasarnya adalah sama sejak 40 tahun lalu. Malah, kerajaan BN sudah membuktikan keupayaan membangunkan negara dan menambah pendapatan per kapita daripada AS\$300 pada 1957 kepada AS\$3,000 sekarang.

"Kita tidak tutup negara ini (kepada orang asing), sebaliknya kita jemput mereka datang, siapa sahaja boleh datang cari keuntungan. Kita tidak tamak seolah-olah kita sahaja yang dapat kekayaan daripada negara kita sendiri," katanya.

Dr Mahathir menambah, matlamat akhir dalam usaha menekan dan menjatuhkan ringgit ialah supaya Malaysia meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Beliau mengingatkan, meminjam dengan IMF bermakna mendedahkan negara dan rakyat kepada beban hutang asing serta tekanan supaya mematuhi syarat kewangan lebih dahsyat.

Ini termasuk memaksa kerajaan membubarkan dasar mempertahankan hak dan membantu Bumiputera menaikkan faedah, mengurangkan pinjaman kepada syarikat, menambah cukai ke atas rakyat dan yang lebih utama membuka negara seluas-luasnya kepada peniaga asing untuk berniaga dengan bebas tanpa sekatan dan syarat.

"Apabila mereka menguasai semua ekonomi negara, kita akan hilang kemerdekaan. Inilah bahaya yang kita sedang hadapi," katanya

(END)